



## SIARAN AKHBAR

### LATIHAN PENGGUNA SISTEM PENDAFTARAN CAGARAN

**Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) akan melancarkan Sistem Pendaftaran Cagaran pada 19 Disember 2016.
2. Sistem Pendaftaran Cagaran akan memudahkan orang awam, SME dan syarikat-syarikat dalam mendapatkan kredit dengan memanfaatkan mana-mana harta alih masing-masing kepada bank-bank atau syarikat kewangan untuk memajukan lagi perniagaan masing-masing. Sistem ini akan mengabungkan pendaftaran *Bill of Sale*, caj syarikat, kenderaan motor, beberapa jenis kapal dan kapal terbang dari jabatan-jabatan kerajaan dan akan dikendalikan oleh AMBD.
3. AMBD, melalui Seksyen Pendaftaran Cagaran, telah menjalankan beberapa latihan untuk pengguna Sistem Pendaftaran Cagaran, seperti institusi-institusi kewangan, bersama dengan IOS Partners. Sistem ini telah direka sebagai platform yang mudah, mesra pengguna, moden dan boleh dilayari pada bila-bila masa sahaja. Melalui latihan ini, pegawai-pegawai yang hadir akan dapat juga dapat memberi latihan seterusnya kepada pegawai-pegawai dari institusi masing-masing mengenai cara penggunaan sistem ini.
4. Pada minggu ini, AMBD juga telah menjemput beberapa agensi kerajaan yang berkaitan dan badan-badan berkanun untuk menjalani latihan pengguna Sistem Pendaftaran Cagaran ini bagi tujuan pengenalan.
5. Negara Brunei Darussalam merupakan salah satu daripada negara ASEAN yang pertama untuk memperkenalkan Sistem Pendaftaran Cagaran yang akan dapat memudahkan orang ramai untuk mendapatkan kredit di negara ini. Pelaksanaan inisiatif ini juga akan meningkatkan lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *World Bank Ease Of Doing Business (EODB) Ranking*, dengan sokongan daripada Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Pandu EODB.
6. Untuk maklumat lanjut dan penjelasan yang lebih terperinci mengenai Sistem Pendaftaran Cagaran, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn> atau melalui emel [collateral.registry@ambd.gov.bn](mailto:collateral.registry@ambd.gov.bn)

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 16 Rabiulawal 1438 / 16 December 2016

Ref: AMBD/COMMS/3